



SOALAN LAZIM (FAQ)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
(PULAU PINANG, MELAKA, JOHOR, SABAH, SELANGOR, WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN)
13 - 26 JANUARI 2021

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)

SEKTOR AGRIKOMODITI

1. **Adakah sektor agrikomoditi tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka dan Johor yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021?**

Ya. Semua aktiviti dan operasi di bawah sektor agrikomoditi tertakluk kepada PKP berkenaan.

2. **Adakah sektor agrikomoditi dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP tersebut?**

Semua sektor agrikomoditi dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP tersebut **bermula 13 hingga 26 Januari 2021 atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan**-tertakluk kepada syarat-syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa. Pengoperasian sektor agrikomoditi juga adalah tertakluk kepada SOP Sektor Agrikomoditi yang telah ditetapkan oleh KPPK dan boleh dirujuk di laman sesawang KPPK iaitu www.mpic.gov.my.

3. **Apakah syarat-syarat lain yang dikenakan bagi sektor agrikomoditi?**

Syarat-syarat lain yang dikenakan adalah:

- (i) Tertakluk kepada peraturan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa;
- (ii) Operasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan; dan

(iii) Pekerja asing wajib menjalani ujian saringan COVID-19.

4. Apakah aktiviti sektor agrikomoditi yang tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP tersebut?

Aktiviti dalam sektor agrikomoditi yang tidak dibenarkan beroperasi adalah merujuk kepada **senarai aktiviti dilarang (*negative list*) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).**

5. Apakah aktiviti sektor agrikomoditi yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP tersebut?

- (i) Pengeluaran dan pemprosesan agrikomoditi (sawit, getah, koko, lada, kenaf dan kayu kayan termasuk ladang hutan) dan rantaianya (penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan) bagi ladang dan pekebun kecil;
- (ii) Dagangan agrikomoditi (jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan);
- (iii) Input pertanian (anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin);
- (iv) Kilang pemprosesan agrikomoditi (sawit, getah, kayu-kayan dan perabot, koko, lada, kenaf dan biodiesel); dan
- (v) Pensijilan agrikomoditi.

6. Adakah pekerja-pekerja sektor agrikomoditi dibenarkan merentas daerah dan negeri untuk melaksanakan kerja atau aktiviti yang dibenarkan?

Ya. Pekerja-pekerja sektor agrikomoditi dibenarkan merentas daerah dan negeri untuk melaksanakan kerja atau aktiviti yang dibenarkan tertakluk kepada pendaftaran / surat kelulusan beroperasi dengan Kementerian / Agensi yang berkaitan dan pas pekerja/surat pengesahan majikan. Dokumen berkenaan perlu ditunjukkan kepada Pihak Berkuasa semasa pemeriksaan dan sekatan jalan raya.

7. Apakah prosedur pencegahan yang perlu diambil dalam melaksanakan operasi sektor agrikomoditi dalam tempoh PKP tersebut untuk aktiviti:
- (a) pengeluaran agrikomoditi (sawit, getah, koko, lada, kenaf dan kayu kayan termasuk ladang hutan) dan rantaianya (penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan) bagi ladang dan pekebun kecil;
 - (b) dagangan agrikomoditi (jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan); dan
 - (c) input pertanian (anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin)?

Prosedur pencegahan yang perlu dilaksanakan antaranya seperti berikut:

(i) **Protokol Pencegahan Penyakit dan Sekatan**

Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

(ii) **Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan Sebelum Operasi**

- (a) Semua pekerja adalah tertakluk kepada saringan kesihatan sebelum memasuki kawasan operasi dengan menggunakan *non-contact thermometer* dan pemeriksaan bagi simptom-simptom COVID-19;
- (b) Maklumat mengenai kehadiran pekerja hendaklah direkodkan dan disimpan oleh pemilik ladang/pekebun kecil;
- (c) Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan pekerja yang lain. Pemakaian pelitup muka diwajibkan dalam kawasan tumpuan pekerja; dan
- (d) Mana-mana pekerja yang telah dikenal pasti menunjukkan simptom-simptom COVID-19 hendaklah diberikan akses untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera dan tindakan kuarantin perlu diambil. Justeru, pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan tempat kuarantin yang bersesuaian sekiranya kejadian ini berlaku.

(iii) Tindakan Pencegahan Semasa Operasi

- (a) Pengangkutan pekerja ke tempat operasi dalam kumpulan besar adalah tidak dibenarkan. Pemilik ladang/pekebun kecil perlu meminimalkan bilangan pekerja yang perlu melaksanakan operasi bagi mengurangkan risiko jangkitan di kalangan pekerja. Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan semasa menaiki pengangkutan yang disediakan oleh pemilik ladang;
- (b) Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara seorang pekerja dengan pekerja yang lain sepanjang tempoh operasi;
- (c) Pemilik ladang/pekebun kecil perlu meminimalkan situasi yang memerlukan para pekerja berkumpul secara beramai-ramai. Antaranya melaksanakan waktu rehat secara berperingkat bagi mengelakkan situasi berkenaan. Pemakaian pelitup muka diwajibkan dalam kawasan tumpuan pekerja;
- (d) Pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan peralatan pencegahan penularan wabak seperti *hand sanitiser* dan topeng muka serta menempatkannya di lokasi-lokasi strategik di tempat tumpuan seperti pintu masuk ke kawasan operasi, surau, kantin dan kenderaan pekerja;
- (e) Pemilik ladang/pekebun kecil perlu melaksanakan proses disinfeksi secara berkala di kawasan operasi terutamanya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pekerja; dan
- (f) Pekerja diwajibkan memakai pelitup muka di kawasan tumpuan pekerja.

(iv) Pemeriksaan Kesihatan ke Atas Pelawat/Pembekal

- (a) Pelawat dan pembekal yang memasuki kawasan operasi perlu dihadkan dan mereka hanya dibenarkan memasuki kawasan operasi bagi tujuan yang perlu sahaja dan diwajibkan memakai pelitup muka di kawasan tumpuan pekerja; dan
- (b) Semua pelawat perlu disaring untuk suhu dan gejala sebelum memasuki kawasan operasi dengan menggunakan *non-contact thermometer*. Pelawat tidak dibenarkan untuk masuk sekiranya didapati suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah nafas.

(v) **Laporan Kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat)**

- (a) Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
- (b) Pekerja yang mempunyai suhu badan ialah 37.5 darjah celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan; dan
- (c) Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

(vi) **Rekod Kehadiran**

- (a) Pekerja dan pelanggan digalakkan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk merekod kehadiran dan memudahkan pengesanan kontak rapat.
- (b) Majikan diminta menyediakan rekod kehadiran pekerja dan pelanggan secara manual dengan menulis nama dan nombor telefon sekiranya tidak mempunyai aplikasi MySejahtera.

8. Apakah prosedur pencegahan yang perlu diambil dalam melaksanakan operasi sektor agrikomoditi dalam tempoh PKP tersebut untuk aktiviti kilang pemprosesan agrikomoditi (sawit, getah, kayu-kayan dan perabot, koko, lada, kenaf dan biodiesel)?

Prosedur pencegahan yang perlu diambil antaranya seperti berikut:

(i) **Protokol Pencegahan Penyakit dan Sekatan**

Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

(ii) **Saringan Kesihatan**

- (a) Menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner*;
- (b) Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari;

- (c) Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang / premis; dan
 - (d) Pekerja tidak dibenarkan untuk masuk sekiranya didapati suhu badan pekerja melebihi 37.5 darjah celsius atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah nafas.
- (iii) **Laporan Kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat)**
- (a) Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
 - (b) Pekerja yang mempunyai suhu badan ialah 37.5° celcius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan; dan
 - (c) Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.
- (iv) **Rekod Kehadiran**
- (a) Pekerja dan pelanggan digalakkan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk merekod kehadiran dan memudahkan pengesanan kontak rapat.
 - (b) Majikan diminta menyediakan rekod kehadiran pekerja dan pelanggan secara manual dengan menulis nama dan nombor telefon sekiranya tidak mempunyai aplikasi MySejahtera.

9. Apakah prosedur pencegahan yang perlu diambil dalam melaksanakan operasi sektor agrikomoditi dalam tempoh PKP tersebut untuk aktiviti pensijilan agrikomoditi?

Prosedur pencegahan yang perlu diambil antaranya seperti berikut:

(i) Protokol Pencegahan Penyakit dan Sekatan

Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

(ii) Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan Sebelum Audit Lapangan

- (a) Pasukan audit perlu disaring untuk suhu dan gejala sebelum memasuki kawasan operasi dengan menggunakan *non-contact thermometer*. Anggota pasukan audit tidak dibenarkan untuk masuk sekiranya didapati suhu badan anggota pasukan melebihi 37.5 darjah celsius atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah nafas;
- (b) Maklumat mengenai tahap kesihatan anggota pasukan audit hendaklah direkodkan dan disimpan oleh Badan Pensijilan Bertauliah;
- (c) Semua anggota pasukan audit hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakkan fizikal (*physical distancing*) dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan anggota pasukan audit yang lain. Pemakaian pelitup muka diwajibkan dalam kawasan tumpuan pekerja;
- (d) Mana-mana anggota pasukan audit yang telah dikenal pasti menunjukkan simptom-simptom COVID-19 hendaklah diberikan akses untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera dan tindakan pengasingan perlu diambil. Justeru, Badan Pensijilan Bertauliah perlu menyediakan tempat pengasingan yang bersesuaian sekiranya kejadian ini berlaku;
- (e) Pengangkutan ke audit lapangan perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pengangkutan Awam Darat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia; dan
- (f) Penyediaan pelitup muka, sarung tangan dan *hand sanitizer* (pembersih tangan) untuk pasukan audit bagi mengelakkan risiko jangkitan COVID-19.

(iii) Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan Semasa Audit Lapangan

- (a) Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan dan penjarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter perlu dipatuhi untuk mengurangkan interaksi rapat antara ahli pasukan audit dan pihak yang diaudit atau orang yang ditemuramah;
- (b) Log perjalanan dan maklumat dan nombor telefon individu yang berinteraksi dengan pasukan audit dalam proses pengauditan perlu direkod; dan

- (c) Pasukan audit perlu meminimalkan situasi yang memerlukan mereka berkumpul secara beramai-ramai selaras dengan arahan dan garis panduan daripada MKN/KKM. Antaranya melaksanakan waktu rehat secara berperingkat bagi mengelakkan situasi berkenaan. Pemakaian pelitup muka diwajibkan dalam kawasan tumpuan pekerja.

(iv) Laporan Kesihatan

Pasukan audit yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. Pasukan audit tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

(v) Rekod Kehadiran

- (a) Pekerja dan pelanggan digalakkan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk merekod kehadiran dan memudahkan pengesanan kontak rapat.
- (b) Majikan diminta menyediakan rekod kehadiran pekerja dan pelanggan secara manual dengan menulis nama dan nombor telefon sekiranya tidak mempunyai aplikasi MySejahtera.

10. Apakah tindakan yang boleh dikenakan sekiranya melanggar PKP ini?

Semua pemilik ladang/pekebun kecil dan pengilang hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Kegagalan mematuhi SOP boleh mengakibatkan kebenaran beroperasi dibatalkan dan ditarik balik.

11. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan kepada Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (UKK, KPPK) di talian **03-88803498** dari jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** atau emel **hotlinempic@mpic.gov.my**.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.*

- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
15 JANUARI 2021